SKIM BANTUAN JAMINAN PKS

OBJEKTIF

Bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berdaya maju yang menerima kesan buruk akibat kelembapan ekonomi semasa untuk terus mendapat akses kepada pembiayaan yang mencukupi. Dengan jaminan CGC, adalah dijangka akses pembiayaan bagi PKS akan dipermudah, pada kos yang lebih berpatutan.

KEGUNAAN PEMBIAYAAN

- Modal kerja
- Pembiayaan projek
- Perbelanjaan modal
- TIDAK boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan kredit sedia ada.

KRITERIA KELAYAKAN

- Perusahaan di semua sektor ekonomi berdasarkan definisi PKS*;
- PKS milik warganegara Malaysia (pemilikan saham sekurang-kurangnya 51%) yang menetap di Malaysia;
- PKS dengan dana pemegang saham yang kurang daripada RM3 juta;
- PKS yang BUKAN anggota gabungan atau subsidiari Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) atau syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia (PLC); dan
- PKS berdaya maju yang menerima kesan buruk akibat kelembapan ekonomi semasa. Institusi kewangan peserta bertanggungjawab untuk menentukan bahawa PKS berkenaan terjejas oleh keadaan tersebut dan layak untuk mendapat skim ini berdasarkan prosedur penilaian kredit masing-masing.

* Definisi PKS

Sesebuah perusahaan dianggap PKS dalam sektor masing-masing berdasarkan sama ada Jumlah Jualan Tahunan atau pun Bilangan Pekerja Sepenuh Masa.

Jumlah Jualan Tahunan

Sektor / Saiz	Pertanian Asas	Perkilangan (termasuk Asas Tani) dan Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan	Perkhidmatan (termasuk ICT), Perlombongan & Kuari dan Pembinaan
Mikro	Kurang daripada RM200,000	Kurang daripada RM250,000	Kurang daripada RM200,000
Kecil	Antara RM200,000 hingga kurang daripada RM1 juta	Antara RM250,000 hingga kurang daripada RM10 juta	Antara RM200,000 hingga kurang daripada RM1 juta
Sederhana	Antara RM1 juta hingga RM5 juta	Antara RM10 juta hingga RM25 juta	Antara RM1 juta hingga RM5 juta

ATAU

Bilangan Pekerja Sepenuh Masa

Sektor / Saiz	Pertanian Asas	Perkilangan (termasuk Asas Tani) & Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan	Perkhidmatan (termasuk ICT), Perlombongan & Kuari dan Pembinaan
Mikro	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja
Kecil	Antara 5 – 19 orang pekerja	Antara 5 -50 orang pekerja	Antara 5 - 19 orang pekerja
Sederhana	Antara 20 - 50 orang pekerja	Antara 51 - 150 orang pekerja	Antara 20 - 50 orang pekerja

CIRI-CIRI SKIM

Jumlah Pembiayaan Minimum

- Tiada.

Jumlah Pembiayaan Maksimum

- RM500,000 bagi setiap PKS.

Tempoh Pembiayaan Maksimum

- 5 tahun.

KADAR FAEDAH/PEMBIAYAAN

- Ditentukan oleh institusi kewangan peserta.

PERLINDUNGAN JAMINAN

- CGC akan menyediakan 80% perlindungan jaminan atas prinsipal dan faedah.

KOS JAMINAN

- Tiada caj.

INSTITUSI KEWANGAN PESERTA

- Semua bank perdagangan dan bank Islam
- Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank); dan
- Bank Simpanan Nasional

TEMPOH SKIM DITAWARKAN

Skim ini ditawarkan sehingga 31 Disember 2009 atau apabila jumlah pembiayaan sebanyak RM2 bilion telah diluluskan, yang mana terdahulu. Pelanjutan Skim selepas tempoh ini bergantung pada kajian semula.

PROSES PERMOHONAN

Permohonan di bawah SKIM BANTUAN JAMINAN PKS boleh dibuat hanya dengan mengambil 3 langkah mudah berikut:

1. Kunjungi mana-mana cawangan institusi kewangan peserta untuk memohon pembiayaan di bawah SKIM BANTUAN JAMINAN PKS.
2. Institusi kewangan peserta akan membuat penilaian terhadap pemohonan berdasarkan kriteria kelayakan dan daya maju perniagaan.
3. Setelah permohonan pembiayaan diluluskan, institusi kewangan peserta akan mengemukakan permohonan kepada CGC untuk mendapatkan perlindungan jaminan di bawah skim ini.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (12441-M)
Aras 13-16, Bangunan CGC
Kelana Business Centre
97, Jalan SS7/2
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7806 2300 **Faks:** 03-7806 3308

Pusat Perkhidmatan Pelanggan:
03-7880 0088

Laman Web CGC:
www.iGuarantee.com.my

Cawangan CGC:

Cawangan Utama	03-7804 8100
Alor Star	04-731 2300
Batu Pahat	07-432 2633
Ipoh	05-243 3900
Johor Bharu	07-338 2788
K. Kinabalu	088-538 300
K. Terengganu	09-625 2400
Kota Bharu	09-743 7730
Kuala Lumpur	03-4149 6476
Kuantan	09-513 9277
Kuching	082-424 200
Melaka	06-284 4300
Miri	085-421 270
Prai	04-399 2400
Sandakan	089-224 698
Seremban	06-761 2400

SKIM BANTUAN JAMINAN PKS

Credit Guarantee Corporation